

**LAPORAN DATA SILANG (CROSS-DATA) KECICIRAN SEKOLAH
AGAMA (KAFA) DI KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH
KEBANGSAAN (SK) BERAGAMA ISLAM DI KUALA LUMPUR**



**PERTUBUHAN KEBAJIKAN AMAL JARIYAH NUR HIDAYAH SELANGOR
(PPM-022-10-24032022)**

FEBUARI 2023

ABSTRAK

Laporan data silang ini bertujuan mengenalpasti jumlah keciciran sekolah agama di kalangan pelajar sekolah rendah kebangsaan beragama Islam di Kuala Lumpur. Didapati 47.1% murid tercicir sekolah agama.

METODOLOGI

Laporan menggunakan kaedah mengumpulkan data pustaka dengan berhubung dengan Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPN-WP KL), Pusat Pendidikan Wilayah Sentul (PPW Sentul), Pusat Pendidikan Keramat (PPW Keramat) dan Pusat Pendidikan BangsarPudu (PPW BangsarPudu). Data ini dibuat teknik silang data atau 'cross-data' dengan maklumat dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) bahagian pendidikan. Data pelajar yang digunakan adalah sesi 2022. Selain itu, teknik temuramah pegawai berkaitan juga digunakan.

LIMITASI

Laporan hanya mengambil data sekolah kebangsaan sahaja. Sekolah swasta tidak dimasukkan kerana murid berada di sekolah dari pagi sehingga petang. Namun KAFA swasta diambil kira kerana ia beroperasi setengah hari. Laporan ini merangkumi seluruh Kuala Lumpur tidak termasuk Labuan dan Putrajaya.

HASIL KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan jumlah murid di SK di Kuala Lumpur yang beragama Islam untuk sesi pembelajaran tahun 2022. Manakala Jadual 2 pula adalah jumlah murid yang belajar di KAFA di Kuala Lumpur pada tahun yang sama.

PPW Sentul	17, 176 orang
PPR Keramat	25,311 orang
PPW BangsarPudu	41,591 orang
JUMLAH	84,078 orang

Jadual 1

SRA kendalian JAWI	26,998 orang
KAFA di masjid dan surau	15,988 orang
KAFA swasta	1,487 orang
JUMLAH	44,473 orang

Jadual 2

Jika dibuat perbandingan, seramai **39,605 orang** atau **47.1%** murid SK beragama Islam tercicir sekolah agama di Kuala Lumpur.

PENUTUP

Situasi keciciran ini amatlah membimbangkan kerana murid sekolah kebangsaan hanya memperuntukkan 1 jam 40 minit untuk matapelajaran Pendidikan Islam yang mencampurkan Quran, Tajwid dan Fardu Ain. Manakala di sekolah menengah kebangsaan pula hanya 2 jam. Ini menyebabkan kebanyakan mereka tidak boleh membaca Al-Quran sehingga dewasa.

RUJUKAN

Haji Azuar bin Haji Hussin, Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pelajaran Wilayah Bangsar Pudu.

Puan Aziah binti Amir, Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pelajaran Wilayah Keramat.

Puan Zainon binti Haron, Pegawai Pendidikan Daerah, Pejabat Pelajaran Wilayah Sentul.

Syuhaida binti Mat Saud, Unit Hal Ehwal Murid, Bahagian Pelajaran, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.